

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016**

**USUL MENCADANGKAN KEPADA KERAJAAN NEGERI DALAM PENAMBAHAN PERUNTUKKAN BAJET 2017 KEPADA PEMBANGUNAN BELIA DARI SKOP PENDIDIKAN DENGAN MENFORMALKAN (*FORMALISED*) MEKANISME BAGI MENGGALAKKAN PENGLIBATAN BELIA DALAM KHIDMAT SOSIAL KHUSUSNYA MEMBERIKAN KELAS TAMBAHAN PERCUMA KEPADA PELAJAR SEKOLAH**

Bahawa saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar memperuntukkan sejumlah dana dalam pembentangan bajet 2017 kepada pembangunan sosial yang memberi fokus kepada kesukarelawanan belia di Pulau Pinang. Kesukarelawan adalah nilai utama dalam sebuah masyarakat sivil yang mandiri dan progresif. Hanya dengan menggalakkan kesukarelawan kita akan dapat membentuk masyarakat yang peduli, harmoni dan bersatu-padu.

Bagi tujuan ini, saya mencadangkan agar usaha ini dimulakan dengan memfokuskan kepada aktiviti kesukarelawan belia Pulau Pinang yang berkaitan dengan pendidikan. Belakangan ini, khasnya dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi, telah menunjukkan minat yang besar terhadap kerja-kerja kesukarelawan, termasuk menganjurkan kelas bimbingan (*tuition class*) kepada pelajar sekolah rendah dan menengah. Maka, saya berharap pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mempertimbangkan untuk memformalkan (*formalised*) mekanisme ini agar dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada mahasiswa dan pelajar sekolah tetapi kepada masyarakat secara umumnya.

Apakah yang dimaksudkan dengan diformalkan ini? Pertamanya harus ada mekanisme yang dapat membantu mengesan (*identified*) mahasiswa dan pelajar sekolah yang berminat dengan program ini. Keduanya, kerajaan negeri harus memiliki mekanisme rasmi bagi membolehkan sebarang fasiliti milik negeri yang berkaitan boleh digunakan bagi tujuan penganjuran kelas ini seperti perpustakaan awam milik MBPP dan MPSP serta negeri, dewan-dewan orang ramai dan balai-balai rakyat. Ketiganya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mungkin boleh mempertimbangkan

sebarang insentif kepada belia yang giat menganjurkan kelas-kelas bimbingan ini. Mungkin bukan dalam bentuk tunai tetapi mungkin memberikan kemudahan latihan atau internship di agensi-agensi milik kerajaan negeri.

Dengan ini, belia-belia di negeri ini yang bukan sahaja terdidik di menara gading tetapi dapat juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat di negeri ini. Insentif yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri dapat memberi pendedahan kepada belia dengan persekitaran pekerjaan sebenar dan pada masa yang sama membolehkan bakat-bakat pelajar di negeri ini dikenal pasti dan digilap untuk menyumbang lebih banyak kepada pembangunan Pulau Pinang. Saya percaya, usaha ini akan memberikan pulangan yang besar kepada semua pihak dengan kos yang sangat minimum di pihak kerajaan negeri.

Sekian Terima Kasih.

Yang benar,

**Mohd Farid Bin Mohd Azmi**  
**Ahli Sidang Muda 2016**

